

**Najib pelawa bincang Bajet 2013 dalam Google Hangout
Malaysian Insider
22 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Sept — Perdana Menteri Najib Razak mempelawa orang ramai memberi cadangan Bajet 2013 apabila tampil buat kali pertama dalam Google Hangout pada 3 Oktober.

Tema program online tersebut, mulai dari jam 9 malam, ialah #TanyaNajib 2013 Budget.

"Belanjawan ini mempunyai kesan besar bukan hanya pada ekonomi kita, tetapi pada masyarakat,"kata Najib di Google+.

"Jadi saya mahu meneruskan perbincangan walaupun selepas ia diumumkan. Ia akan memberi anda peluang untuk bertanya saya soalan mengenai langkah-langkah yang telah diumumkan.

"Saya ingin menjemput semua rakyat Malaysia, sama ada di bandar, luar bandar, pakar, atlit, artis-artis Malaysia dan pelabur asing di Malaysia untuk menjadi sebahagian daripada sesi #TanyaNajib ini," katanya.

Najib menjadi ahli politik kedua Malaysia menggunakan Google Hangout selepas musuh politiknya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada 17 Ogos, turut mengambil pendekatan sama untuk memancing pengundi celik teknologi.

Untuk melayari sesi ini, anda boleh melawati <http://bit.ly/najibGoogle>, dan ia juga akan disiarkan secara langsung menerusi laman YouTube.

"Saya galakkan anda ambil kesempatan ini untuk membantu kita sama-sama membentuk sebuah Malaysia yang bermakna," kata Najib lagi.

Najib antara pemimpin politik dalam negara yang aktif dilaman sosial dengan mempunyai blog www.1malaysia.com.my, dua akaun Facebook dan juga memiliki akaun Twitter.

Pakatan Rakyat (PR) sentiasa dilihat sebagai mempunyai kelebihan berbanding Barisan Nasional (BN) di dalam siber menyebabkan kerajaan terpaksa bersaing agar tidak ketinggalan.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-pelawa-bincang-bajet-2013-dalam-google-hangout/>